

ANALISIS MAQASID JUZ'IYYAH TERHADAP *AL-MUHARRAMAT* DALAM AL-QURAN DAN HADIS

A MAQĀSID JUZ'IYYAH-BASED ANALYSIS OF PROHIBITIONS (*AL-MUHARRAMĀT*) IN THE QUR'AN AND HADITH

^{i*}Hamidi Abdul Ghani & ⁱⁱAbdul Azib Hussain

^{i & ii}Fakulti Syariah dan Muamalat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri,
15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

Corresponding Author; e-mail: *al_humaidi011@yahoo.com

ABSTRAK

Perkahwinan merupakan pembentukan suatu institusi yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi menjamin kelangsungan hidup manusia serta kesejahteraan sosial. Melalui perkahwinan, hubungan yang halal antara seorang lelaki dan seorang wanita dapat disalurkan selaras dengan ketetapan hukum Islam. Walau bagaimanapun, Islam menetapkan bahawa terdapat kategori wanita tertentu yang dikenali sebagai *al-muḥarramāt min al-nisā'*, yang diharamkan daripada berkahwin sama ada secara kekal atau sementara. Pengharaman ini berasaskan hikmah serta tujuan tertentu dalam syariah Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan mengklasifikasikan golongan wanita yang diharamkan berkahwin berdasarkan dalil daripada al-Qur'an dan Hadis, di samping menganalisis *maqāsid al-sharī'ah*, khususnya *maqāsid juz'iyyah*, yang mendasari ketetapan hukum tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan dengan kaedah analisis kandungan secara deskriptif, dengan data diperoleh daripada karya-karya klasik dan kontemporari berkaitan *maqāsid al-sharī'ah* serta undang-undang kekeluargaan Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengharaman tersebut bertujuan memelihara maruah wanita, menjaga keturunan, mencegah kemudaratan terhadap zuriat, serta mengekalkan keharmonian hubungan kekeluargaan. Bagi pengharaman yang bersifat sementara, *maqāsid juz'iyyah* yang dikenal pasti termasuklah perlindungan hak perkahwinan, pencegahan konflik, dan penghindaran percampuran nasab. Kajian ini menegaskan kepentingan kefahaman hukum yang tepat sebelum perkahwinan dilangsungkan bagi memastikan pematuhan terhadap syariah Islam.

Kata Kunci: *Al-Muḥarramāt min al-Nisā'*; Maqasid Juz'iyyah; Penghormatan; Fitrah

ABSTRACT

Marriage constitutes the establishment of an institution prescribed by Allah SWT to ensure human continuity and social well-being. Through marriage, lawful relations between a man and a woman are regulated in accordance with the principles of Islamic law. However, Islam stipulates that there are specific categories of women, known as al-muḥarramāt min al-nisā', who are prohibited from marriage, either permanently or temporarily. This prohibition is grounded in particular wisdoms and objectives within Islamic law. This study aims to identify and classify the categories of women prohibited from marriage based on evidence from the

Qur'an and Hadith, while also analysing the maqāsid al-sharī'ah, particularly maqāsid juz'iyah, that underpin these legal rulings. The study adopts a qualitative library-based research approach using descriptive content analysis, with data drawn from classical and contemporary works on maqāsid al-sharī'ah and Islamic family law. The findings indicate that such prohibitions are intended to preserve women's dignity, safeguard lineage, prevent harm to offspring, and maintain harmonious family relationships. With regard to temporary prohibitions, the identified maqāsid juz'iyah include the protection of marital rights, the prevention of conflict, and the avoidance of lineage confusion. The study emphasises the importance of accurate legal understanding prior to the solemnisation of marriage to ensure compliance with Islamic law.

Keywords: *Al-Muḥarramāt min al-Nisā'; Maqāsid Juz'iyah; Human Dignity; Human Nature*

Diserahkan: 13-10-2025

Diterima: 27-11-2025

Atas Talian: 30-12-2025

PENDAHULUAN

Perkahwinan ialah suatu ikatan yang kukuh antara lelaki dan wanita melalui akad nikah yang sah untuk melayari bahtera kehidupan berumah tangga sebagai pasangan suami isteri. Perkahwinan disyariatkan dalam Islam untuk mencapai beberapa matlamat iaitu untuk memelihara keturunan, mendapat mawaddah, rahmah dan sakinah, menanamkan semangat bertanggungjawab dan memelihara kehormatan diri dari akhlak yang buruk dan penyakit kelamin (Zainab Abd al-Salam, 2006).

Untuk merealisasikan maqasid tersebut dengan cara yang baik dan benar maka Allah SWT telah mengharamkan pernikahan dengan sejumlah wanita yang tidak boleh bagi seorang muslim untuk melamarnya dan melakukan akad nikah dengannya serta berhubungan intim. Pengharaman untuk menikah dengan mereka terbahagi kepada dua bahagian, yang pertama adalah pengharaman yang tetap dan yang kedua adalah pengharaman bersifat sementara (Muhammad al-Zuhaili, 2015). Pengharaman ini akan dianalisis dengan memperincikan maqasid juz'iyah.

Isu perkahwinan dengan golongan wanita yang diharamkan masih berlaku dalam masyarakat Islam sama ada disebabkan ketidaktahuan atau pengabaian terhadap hukum syarak. Pemahaman yang mendalam tentang maqasid juz'iyah di sebalik pengharaman ini adalah penting untuk memastikan umat Islam mematuhi peraturan syariah dalam institusi perkahwinan.

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk memperincikan golongan wanita yang haram dikahwini berdasarkan dalil al-Quran dan hadis, menganalisis maqasid juz'iyah yang terdapat dalam pengharaman perkahwinan dengan golongan *al-muharramat min al-nisa'* dan menjelaskan hikmah dan kepentingan pengharaman tersebut dalam konteks kehidupan berkeluarga.

Kajian ini begitu signifikan untuk memberikan pemahaman yang jelas kepada masyarakat Islam tentang kategori wanita yang diharamkan untuk dikahwini, hikmah dan

maqasid di sebalik pengharaman tersebut serta implikasi pelanggaran hukum ini terhadap institusi keluarga Islam

SOROTAN LITERATUR

Definisi Maqasid Juz'iyah

Perbincangan mengenai definisi maqasid juz'iyah telah diberikan oleh ulamak yang mendalami ilmu maqasid syariah. Al-Raisuni mendefinisikan maqasid juz'iyah sebagai maqasid yang diambil kira oleh syarak dalam setiap pensyariatan hukum seperti wajib, sunat, haram, makruh dan harus [3]. Al-Badawi juga memberikan definisi yang hampir sama seperti al-Raisuni [4]. Menurut al-Yubi pula, maqasid juz'iyah ialah maqasid yang dikaitkan dengan masalah tertentu atau dalil tertentu. Apa yang dihasilkan dari dalil khusus sama ada hikmah atau illah boleh dianggap sebagai maqasid juz'iyah [5]. Al-Khadimi pula mendefinisikan maqasid juz'iyah sebagai illah, hikmah dan rahsia hukum [6]. Manakala Wasfi 'Asyur Abu Zaid [7] pula mengatakan orang pertama yang memberi definisi maqasid juz'iyah dengan jelas ialah Ibn 'Asyur dengan merumuskan maqasid juz'iyah sebagai maksud syarak dalam setiap hukum atau sekelompok hukum yang berdekatan.

Berdasarkan definisi-definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa maqasid juz'iyah adalah tujuan-tujuan khusus yang ingin dicapai oleh syarak dalam setiap hukum tertentu, sama ada berupa hikmah, illah, atau rahsia di sebalik pensyariatan hukum tersebut.

Konsep *al-Muharramat min al-Nisa'*

Al-muharramat min al-nisa' merujuk kepada kategori wanita yang diharamkan untuk dikahwini oleh seorang lelaki Muslim. Pengharaman ini terbahagi kepada dua kategori utama iaitu:

1. Pengharaman kekal (*al-tahrim al-mu'abbad*) - Pengharaman yang bersifat tetap dan tidak boleh dihalalkan dalam apa jua keadaan.
2. Pengharaman sementara (*al-tahrim al-mu'aqqat*) - Pengharaman yang bersifat sementara dan boleh dihalalkan apabila sebab pengharaman telah hilang.

Kajian Lepas Berkaitan Maqasid Perkahwinan

Beberapa kajian lepas telah membincangkan aspek maqasid dalam perkahwinan Islam, namun kajian khusus yang menganalisis maqasid juz'iyah dalam pengharaman perkahwinan dengan golongan tertentu masih terhad. Kajian ini akan mengisi jurang tersebut dengan memberikan analisis yang lebih terperinci dan komprehensif.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan (library research). Kaedah ini dipilih kerana ia sesuai untuk mengkaji teks-teks klasik dan kontemporari berkaitan hukum Islam dan maqasid syariah. Data kajian diperolehi daripada sumber-sumber primer seperti al-Quran, Hadis dan kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari. Manakala sumber sekunder pula diambil daripada tafsir al-Quran, buku-buku berkaitan

maqasid syariah, kitab-kitab ahwal syakhsiah (undang-undang keluarga Islam) dan tesis serta artikel jurnal berkaitan.

Sumber-sumber data yang telah dinyatakan dikumpulkan melalui pembacaan dan penelitian teks-teks berkaitan, pengumpulan dalil-dalil al-Quran dan hadis, analisis pandangan ulama klasik dan kontemporari dan dokumentasi hikmah dan maqasid yang disebutkan dalam sumber-sumber tersebut.

Sumber primer kajian merangkumi al-Qur'an dan hadis, serta karya-karya turath dalam disiplin usul fiqh dan fiqh seperti penulisan ulama klasik yang membincangkan prinsip hukum asal *ibāhah*, rasional pengharaman, kaedah fiqh dan konsep rukhsah. Sumber-sumber ini digunakan bagi mengenal pasti asas normatif dan kerangka teori berkaitan *ibāhah*, *tahrīm* dan maqasid syariah. Sumber sekunder pula terdiri daripada buku-buku kontemporari, artikel jurnal, tesis, laporan fatwa dan karya sarjana moden yang membincangkan hukum fiqh, maqasid syariah dan isu-isu kontemporari. Bahan-bahan ini berfungsi untuk meneliti perkembangan pemikiran semasa, membandingkan pendekatan sarjana klasik dan kontemporari, serta mengenal pasti persamaan, perbezaan dan kelompangan kajian berkaitan keseimbangan *ibāhah* dan *tahrīm*.

Pengumpulan data dilakukan melalui proses pembacaan kritikal dan pemilihan bahan berdasarkan relevansinya dengan objektif kajian, khususnya dalam membina pemahaman yang sistematik tentang keseimbangan *ibāhah*–*tahrīm* berasaskan maqasid syariah.

Seterusnya data yang dikumpul dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan deskriptif iaitu menghuraikan dan menjelaskan kandungan teks-teks berkaitan dengan pengharaman perkahwinan dan maqasidnya. Kaedah analisis tematik turut dilaksanakan dengan mengelompokkan data mengikut tema-tema tertentu seperti jenis pengharaman, hikmah pengharaman dan implikasi hukumnya. Begitu juga pendekatan analisis maqasid dijalankan dengan menganalisis tujuan-tujuan khusus (maqasid juz'iyah) di sebalik setiap kategori pengharaman perkahwinan tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Penyelidikan ini telah berjaya menzahirkan dua kategori golongan wanita yang haram dikahwini iaitu; Pertama: Golongan wanita yang haram dikahwini secara kekal; dan kedua: Golongan wanita yang haram dikahwini secara sementara.

Golongan wanita yang haram dikahwini secara kekal adalah termasuk; [1] Wanita yang mempunyai pertalian darah iaitu nasab keturunan yang sama; [2] Wanita *musaharah* iaitu pertalian perkahwinan, dan; [3] Wanita *rada'ah* iaitu disebabkan penyusuan.

Manakala golongan wanita yang haram dikahwini secara sementara ialah; [1] Menghimpunkan dua saudara perempuan dalam satu perkahwinan; [2] Wanita yang masih dalam ikatan perkahwinan; [3] Wanita yang masih dalam tempoh iddah; [4] Wanita musyrik dan kafir; [5] Mengahwini lebih daripada empat orang isteri; [6] Bekas isteri yang telah ditalak tiga; [7] Wanita yang masih dalam ihram, dan; [8] Wanita pezina sehingga bertaubat.

PERBINCANGAN

1. Maqasid Juz'iyah Terhadap Golongan Wanita yang Haram Dikahwini secara Kekal

1.1 Wanita yang mempunyai pertalian darah (nasab keturunan yang sama)

Allah SWT berfirman dalam surah al-Nisa' ayat 23:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ وَخَالَاتُكُمْ وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ

Terjemahan: Diharamkan atas kamu (mengahwini) ibu-ibu kamu, anak-anak perempuan kamu, saudara-saudara perempuan kamu, saudara-saudara perempuan bapa kamu, saudara-saudara perempuan ibu kamu, anak-anak perempuan saudara lelaki kamu, anak-anak perempuan saudara perempuan kamu.

[Al-Nisa' 4:23]

Berdasarkan ayat ini, wanita yang haram dikahwini kerana nasab ialah:

- [1] Ibu dan seterusnya ke atas - Termasuk nenek dari pihak bapa dan ibu, dan seterusnya ke atas.
- [2] Anak perempuan dan seterusnya ke bawah - Termasuk cucu perempuan dan seterusnya ke bawah.
- [3] Saudara perempuan - Sama ada saudara perempuan sekandung, sebapa atau seibu.
- [4] Saudara perempuan bapa (emak saudara) - Sama ada saudara perempuan bapa sekandung, sebapa atau seibu.
- [5] Saudara perempuan ibu (mak saudara) - Sama ada saudara perempuan ibu sekandung, sebapa atau seibu.
- [6] Anak perempuan saudara lelaki (anak saudara) - Dan seterusnya ke bawah.
- [7] Anak perempuan saudara perempuan (anak saudara) - Dan seterusnya ke bawah.

1.1.1 Maqasid juz 'iyah pengharaman wanita yang mempunyai pertalian darah

Pengharaman perkahwinan dengan saudara-saudara perempuan yang dinasabkan mengandungi beberapa maqasid penting [8] antaranya ialah bertujuan untuk;

- [1] Memelihara hubungan kekeluargaan. Sekiranya perkahwinan dengan mereka diharuskan, maka akan terputuslah hubungan silaturahim dan kasih sayang yang semula jadi antara ahli keluarga. Pengharaman ini memastikan hubungan kekeluargaan yang suci dan murni terpelihara.

- [2] Mengelakkan kerosakan genetik. Perkahwinan antara saudara dekat boleh menyebabkan kelahiran anak yang lemah, berpenyakit dan cacat. Sains moden telah membuktikan bahawa perkahwinan sedarah meningkatkan risiko penyakit genetik [9].
- [3] Menjaga maruah dan kehormatan keluarga. Hubungan seksual dengan saudara-mara terdekat adalah bertentangan dengan fitrah manusia yang sihat dan melanggar norma-norma sosial yang asasi.
- [4] Memelihara institusi keluarga. Pengharaman ini memastikan struktur keluarga yang jelas dan teratur, di mana setiap ahli keluarga mempunyai peranan dan status yang khusus.

1.2 Wanita *musaharah* iaitu pertalian perkahwinan

Allah SWT berfirman dalam surah al-Nisa' ayat 23:

وَأُمَّهَاتُ نِسَائِكُمْ وَالْأَلْفَاقُ فِي حُجُورِكُمْ مِّنْ نِّسَائِكُمُ اللَّاتِي دَخَلْتُم بِهِنَّ فَإِنْ لَّمْ تَكُونُوا دَخَلْتُم بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ وَحَلَائِلُ أَبْنَائِكُمُ الَّذِينَ مِنْ أَصْلَابِكُمْ

Terjemahan: Dan ibu-ibu isteri kamu (mertua), dan anak-anak tiri kamu yang dalam pemeliharaan kamu dari isteri-isteri kamu yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum campur dengan isteri-isteri kamu itu (dan sudah kamu ceraikan), maka tidak berdosa kamu mengahwininya; dan (diharamkan kamu mengahwini) isteri-isteri anak kandung kamu.

Berdasarkan ayat di atas, wanita yang haram dikahwini kerana *musaharah* ialah:

- [1] Ibu isteri (mertua) dan seterusnya ke atas - Pengharaman ini berlaku sebaik sahaja akad nikah dilakukan walaupun belum berlaku persetubuhan [10]
- [2] Anak tiri (anak isteri dari suami lain) - Tetapi dengan syarat telah berlaku persetubuhan dengan ibunya. Jika belum berlaku persetubuhan dan perkahwinan diputuskan, maka anak tiri tersebut tidak haram dikahwini [11]
- [3] Isteri bapa dan datuk - Termasuk semua isteri bapa dan datuk sama ada dari pihak bapa atau ibu.
- [4] Isteri anak lelaki dan cucu lelaki - Haram mengahwini isteri anak lelaki kandung dan cucu lelaki seterusnya ke bawah.

1.2.1 *Maqasid juz' iyyah* wanita yang haram dikahwini kerana *musaharah*

Pengharaman perkahwinan kerana *musaharah* mengandungi beberapa hikmah [12] antaranya:

- [1] Mengelakkan fitnah dan kerosakan dalam keluarga. Jika diharuskan mengahwini ibu isteri atau anak tiri, akan timbul persaingan dan permusuhan dalam keluarga yang boleh memusnahkan institusi kekeluargaan.
- [2] Memelihara kehormatan dan maruah. Hubungan perkahwinan dengan mertua atau anak tiri adalah bertentangan dengan fitrah dan nilai-nilai murni yang dijunjung oleh Islam.
- [3] Menjaga kesucian hubungan kekeluargaan. Pengharaman ini memastikan hubungan antara menantu dengan mertua, dan bapa dengan anak tiri kekal suci dan terhormat.
- [4] Mencegah percampuran nasab. Sekiranya diharuskan, akan berlaku kekeliruan dalam nasab dan hak-hak keluarga.

1.3 Wanita *rada'ah* iaitu disebabkan penyusuan

Rasulullah SAW bersabda:

يَحْرُمُ مِنَ الرَّضَاعِ مَا يَحْرُمُ مِنَ النَّسَبِ

Terjemahan: Diharamkan kerana penyusuan apa yang diharamkan kerana nasab. [13]

Dalam hadis lain, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الرِّضَاعَةَ تُحَرِّمُ مَا تُحَرِّمُ الْوِلَادَةُ

Terjemahan: Sesungguhnya penyusuan mengharamkan apa yang diharamkan oleh kelahiran."* [14]

Penyusuan yang menyebabkan pengharaman perkahwinan mestilah memenuhi syarat-syarat tertentu:

- [1] Lima kali penyusuan yang berasingan - Menurut jumhur ulama berdasarkan hadis Aisyah RA [15].
- [2] Dalam tempoh dua tahun pertama - Iaitu dalam tempoh anak masih menyusu.
- [3] Susu sampai ke perut - Penyusuan yang sah ialah apabila susu masuk ke dalam perut bayi.

Wanita yang haram dikahwini kerana *rada'ah* ialah: [1] Ibu susuan - Wanita yang menyusukan seseorang; [2] Saudara perempuan susuan - Anak perempuan ibu susuan sama ada dari penyusuan atau kelahiran; [3] Anak perempuan saudara lelaki susuan; [4] Anak perempuan saudara perempuan susuan; [5] Emak saudara susuan (saudara perempuan bapa susuan), dan; [6] Mak saudara susuan (saudara perempuan ibu susuan).

1.3.1 Maqasid juz'iyah pengharaman wanita kerana *rada'ah* [16]

- [1] Mewujudkan hubungan kekeluargaan yang lebih luas. Penyusuan mewujudkan hubungan seperti nasab yang membolehkan perhubungan yang lebih bebas antara lelaki dan wanita dalam konteks kekeluargaan.
- [2] Membalas jasa ibu susuan. Dengan mengharamkan perkahwinan, Islam memberikan penghormatan kepada ibu susuan dan keluarganya kerana jasa menyusukan.
- [3] Memperluas jaringan sosial. Hubungan *rada'ah* membolehkan perluasan jaringan sosial dan kekeluargaan dalam masyarakat Islam.
- [4] Mengelakkan kerosakan yang sama seperti perkahwinan sedarah. Walaupun tidak ada pertalian darah, Islam menyamakan status *rada'ah* dengan nasab untuk mengelakkan kerosakan yang sama.

2. Maqasid Juz'iyah Terhadap Golongan Wanita yang Haram Dikahwini secara Sementara

Pengharaman secara sementara (*al-tahrim al-mu'aqqat*) bermaksud pengharaman yang bersifat sementara dan boleh dihalalkan apabila sebab pengharaman telah hilang atau tidak wujud lagi. Golongan *al-muharramat* yang termasuk dalam kelompok ini ialah; [1] Dua saudara perempuan yang dihimpunkan dalam satu perkahwinan; [2] Wanita yang masih dalam ikatan perkahwinan; [3] Wanita yang masih dalam tempoh iddah; [4] Wanita musyrik dan kafir; [5] Mengahwini lebih daripada empat orang isteri; [6] Bekas isteri yang telah ditalak tiga; [7] Wanita yang masih dalam ihram, dan; [8] Wanita pezina sehingga bertaubat. Perbahasan di bawah akan menjelaskan maqasid juz'iyah pengharaman bagi setiap kelompok wanita yang telah dinyatakan di atas.

2.1 Maqasid juz'iyah pengharaman menghimpunkan dua saudara perempuan

Pengharaman ini bersifat sementara kerana jika salah seorang daripada mereka telah diceraikan atau meninggal dunia, maka halal mengahwini saudara perempuannya. Di antara maqasid juz'iyahnya ialah:

- [1] Memelihara hubungan silaturahmi. Menghimpunkan dua saudara perempuan dalam perkahwinan boleh menyebabkan permusuhan dan putus silaturahmi antara mereka kerana persaingan mendapatkan perhatian dan kasih sayang suami.
- [2] Mengelakkan fitnah dan perbalahan. Keadaan ini boleh menimbulkan hasad dengki, iri hati dan permusuhan antara dua saudara yang sepatutnya saling menyayangi.
- [3] Menjaga keharmonian keluarga. Pengharaman ini memastikan hubungan antara saudara-mara kekal harmoni dan tidak terjejas oleh persaingan dalam perkahwinan.

- [4] Keadilan dalam rumahtangga. Sukar bagi seorang suami untuk berlaku adil apabila mengahwini dua orang yang bersaudara kerana kecenderungan untuk membanding-bandingkan.

2.2 *Maqasid juz 'iyyah pengharaman wanita yang masih dalam ikatan perkahwinan*

Pengharaman ini bersifat sementara kerana jika salah seorang daripada mereka telah diceraikan atau meninggal dunia, maka halal mengahwini saudara perempuannya.

2.3 *Maqasid juz 'iyyah pengharaman wanita yang masih dalam tempoh iddah*

Pengharaman ini bersifat sementara kerana setelah tamat tempoh iddah, wanita tersebut halal untuk dikahwini. Di antara maqasid juz 'iyyahnya ialah:

- [1] Menghormati hak bekas suami. Dalam iddah talak raj'i, suami masih mempunyai hak untuk merujuk kembali isterinya. Pengharaman ini menghormati hak tersebut.
- [2] Mengelakkan percampuran nasab. Iddah memastikan rahim wanita bersih daripada benih bekas suami sebelum dikahwini oleh lelaki lain.
- [3] Memberi masa untuk berfikir. Tempoh iddah memberi peluang kepada wanita untuk berfikir dan menenangkan emosi sebelum membuat keputusan perkahwinan baru.
- [4] Menghormati kesedihan (dalam iddah kematian). Iddah kematian memberi masa kepada wanita untuk bersedih dan mengenang bekas suami yang telah meninggal dunia.

2.4 *Maqasid juz 'iyyah pengharaman wanita musyrik dan kafir*

Pengharaman ini bersifat sementara kerana jika wanita musyrik tersebut memeluk Islam, maka halal untuk dikahwini. Di antara maqasid juz 'iyyahnya ialah:

- [1] Memelihara akidah dan keimanan. Perkahwinan dengan wanita musyrik boleh menjejaskan akidah suami dan anak-anak kerana pengaruh kepercayaan syirik dalam keluarga.
- [2] Menjaga pendidikan anak. Ibu mempunyai peranan penting dalam pendidikan anak. Ibu yang musyrik akan mendidik anak dengan kepercayaan syirik.
- [3] Mencegah perpecahan dalam keluarga. Perbezaan agama yang asas boleh menyebabkan perpecahan dan ketidakharmonian dalam rumahtangga.
- [4] Memelihara identiti Islam. Pengharaman ini memastikan identiti Islam dalam keluarga terpelihara dan tidak tercampur dengan kepercayaan syirik.

2.5 *Maqasid juz 'iyyah pengharaman mengahwini lebih daripada empat orang isteri*

Pengharaman ini bersifat sementara kerana jika salah seorang isteri diceraikan atau meninggal dunia, maka boleh mengahwini isteri yang lain sehingga bilangan maksimum empat orang. Hikmah had maksimum empat orang isteri ialah:

- [1] Keupayaan berlaku adil. Had empat orang memastikan suami mampu berlaku adil dalam pembahagian nafkah, giliran dan layanan terhadap isteri-isteri.
- [2] Keupayaan ekonomi. Mengehendkan bilangan isteri memastikan suami mampu menyediakan nafkah yang mencukupi untuk semua isteri dan anak-anak.
- [3] Keupayaan fizikal dan emosi. Had ini mengambil kira keupayaan fizikal dan emosi seorang lelaki dalam menguruskan rumahtangga.
- [4] Menjaga hak-hak isteri. Pengehadan ini memastikan setiap isteri mendapat hak dan perhatian yang sewajarnya daripada suami.

2.6 *Maqasid juz 'iyyah pengharaman bekas isteri yang telah ditalak tiga*

Pengharaman ini bersifat sementara kerana setelah wanita tersebut berkahwin dengan lelaki lain (muhallil) secara sah dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, maka halal kembali untuk dikahwini oleh bekas suami pertama. Hikmah pengharaman bekas isteri yang ditalak tiga antaranya ialah:

- [1] Mencegah main-main dengan talak. Pengharaman ini mengajar suami supaya tidak bermain-main dengan talak dan memandang serius institusi perkahwinan.
- [2] Memberi pengajaran. Syarat yang berat ini memberi pengajaran kepada suami supaya berhati-hati dalam menjatuhkan talak.
- [3] Melindungi maruah wanita. Pengharaman ini melindungi wanita daripada dipermainkan oleh suami yang suka menceraikan dan merujuk semula sesuka hati.
- [4] Menghormati institusi perkahwinan. Syarat ini menjaga kesucian dan kehormatan institusi perkahwinan dalam Islam.

2.7 *Maqasid juz 'iyyah pengharaman wanita yang masih dalam ihram*

Pengharaman ini bersifat sementara kerana setelah selesai ihram dan menunaikan ibadah haji atau umrah, maka halal untuk melakukan akad nikah. Hikmah pengharaman akad nikah dalam ihram ialah:

- [1] Fokus kepada ibadah. Ihram adalah masa untuk fokus kepada ibadah haji atau umrah tanpa diganggu oleh urusan perkahwinan.
- [2] Menghormati kesucian ihram. Ihram adalah keadaan suci yang mempunyai larangan-larangan tertentu termasuk larangan berkahwin.
- [3] Mengelakkan kesibukan duniawi. Pengharaman ini mengelakkan seseorang daripada disibukkan dengan urusan perkahwinan semasa menunaikan ibadah.
- [4] Menjaga khusyuk ibadah. Perkahwinan melibatkan banyak urusan yang boleh mengganggu khusyuk dalam beribadah.

2.8 *Maqasid juz'iyah pengharaman wanita pezina sehingga bertaubat.*

Menurut sebahagian ulama, haram bagi lelaki Muslim yang baik mengahwini wanita yang diketahui berzina sehingga wanita tersebut bertaubat dengan taubat yang sebenar [35]. Pengharaman ini bersifat sementara kerana jika wanita tersebut bertaubat dengan taubat yang sebenar dan meninggalkan perbuatan zina, maka halal untuk dikahwini. Antara hikmah pengharaman mengahwini wanita pezina ialah:

- [1] Mendorong kepada taubat. Pengharaman ini mendorong wanita pezina untuk bertaubat dan kembali kepada jalan yang benar.
- [2] Menjaga kehormatan lelaki mukmin. Mengahwini wanita pezina boleh mencemarkan kehormatan dan nama baik lelaki mukmin yang baik.
- [3] Melindungi institusi keluarga. Wanita yang masih terlibat dalam zina boleh merosakkan institusi keluarga dan membawa pengaruh buruk.
- [4] Mencegah percampuran nasab. Wanita pezina mungkin mengandung anak zina yang boleh menyebabkan percampuran nasab.

3. Analisis Maqasid Juz'iyah Keseluruhan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan beberapa maqasid juz'iyah utama dalam pengharaman perkahwinan dengan golongan *al-muharramat min al-nisa'* antaranya:

3.1 *Memelihara masalah daruriyyah*

Pengharaman perkahwinan dengan golongan tertentu memelihara lima perkara asasi (*al-daruriyyat al-khams*) iaitu:

- [1] Memelihara agama (*hifz al-din*). Dengan mengharamkan perkahwinan dengan wanita musyrik dan dalam keadaan ihram
- [2] Memelihara jiwa (*hifz al-nafs*). Dengan mengelakkan kelahiran anak yang lemah dan berpenyakit.
- [3] Memelihara akal (*hifz al-aql*). Dengan mengelakkan perkahwinan yang bertentangan dengan fitrah dan akal sihat.
- [4] Memelihara keturunan (*hifz al-nasl*). Dengan mengelakkan percampuran nasab dan kelahiran anak yang tidak sihat.
- [5] Memelihara harta (*hifz al-mal*). Dengan mengelakkan pertikaian harta pusaka akibat kekeliruan nasab.

3.2 *Penghormatan kepada wanita*

Pengharaman ini menunjukkan penghormatan Islam kepada wanita dengan melindungi wanita daripada dipermainkan oleh lelaki, menjaga maruah dan kehormatan wanita,

memberikan hak dan status yang jelas kepada wanita dalam keluarga serta melindungi wanita daripada persaingan yang tidak sihat.

3.3 *Memelihara hubungan kekeluargaan*

Pengharaman ini memelihara hubungan kekeluargaan dengan mengelakkan permusuhan dan perpecahan dalam keluarga, menjaga kesucian hubungan antara saudara-mara, memastikan hubungan silaturahim kekal kukuh dan mewujudkan struktur keluarga yang jelas dan teratur.

3.4 *Menepati fitrah semula jadi manusia*

Pengharaman ini menepati fitrah semula jadi manusia yang tidak mengingini perkahwinan dengan saudara-mara terdekat, menghormati kesucian hubungan kekeluargaan, menjaga kehormatan dan maruah dalam pergaulan keluarga dan memelihara nilai-nilai murni dan akhlak yang baik.

3.5 *Mencegah kerosakan sosial*

Pengharaman ini mencegah kerosakan sosial seperti perkelahian dan pembunuhan akibat pencerobohan hak suami, perpecahan dan permusuhan dalam keluarga, kelahiran anak yang tidak sihat dan berpenyakit, kekeliruan nasab dan hak pusaka serta kemerosotan akhlak dan nilai-nilai masyarakat

RUMUSAN

Kajian ini telah memperincikan golongan wanita yang haram dikahwini berdasarkan dalil al-Quran dan hadis serta menganalisis maqasid juz'iyah yang terkandung dalam pengharaman tersebut. Beberapa kesimpulan utama dapat dirumuskan ialah; Pertama: pengharaman perkahwinan dengan golongan al-muharramat min al-nisa' terbahagi kepada dua kategori utama: pengharaman kekal dan pengharaman sementara. Pengharaman kekal meliputi wanita yang haram kerana nasab, musaharah dan radha'ah. Manakala pengharaman sementara meliputi pelbagai situasi yang apabila sebab pengharaman hilang, maka halal untuk dikahwini.

Kedua: Maqasid juz'iyah dalam pengharaman ini sangat luas dan komprehensif, merangkumi pemeliharaan lima perkara asasi (al-daruriyyat al-khams), penghormatan kepada wanita, pemeliharaan hubungan kekeluargaan, pematuhan kepada fitrah semula jadi manusia, dan pencegahan kerosakan sosial. Ketiga: Pengharaman ini bukan sekadar peraturan yang bersifat ritual, tetapi mengandungi hikmah yang mendalam yang berkaitan dengan kesihatan fizikal, mental, sosial dan spiritual individu, keluarga dan masyarakat. Sains moden telah membuktikan kebijaksanaan pengharaman perkahwinan sedarah yang boleh menyebabkan penyakit genetik.

Keempat: Pengharaman ini menunjukkan keadilan dan kebijaksanaan syariat Islam yang menjaga kepentingan semua pihak - lelaki, wanita, anak-anak dan masyarakat secara keseluruhan. Ia juga menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang menepati fitrah semula jadi manusia dan tidak membebankan hamba-Nya dengan sesuatu yang bertentangan dengan

tabii manusia yang sehat. Dan kelima: Implikasi hukum pelanggaran pengharaman ini sangat serius. Akad nikah yang dilakukan dengan golongan yang haram adalah batal dan mesti diputuskan dengan segera. Oleh itu, adalah penting bagi setiap Muslim untuk mengetahui dan memahami hukum ini sebelum melangsungkan perkahwinan.

Pengharaman perkahwinan dengan golongan al-muharramat min al-nisa' adalah bukti kesempurnaan syariat Islam yang menjaga kepentingan dan masalah manusia. Maqasid juz'iyah yang terkandung dalam pengharaman ini menunjukkan bahawa setiap hukum Islam mempunyai hikmah dan tujuan yang jelas untuk kebaikan manusia di dunia dan akhirat.

Pemahaman yang mendalam tentang maqasid ini bukan sahaja membantu umat Islam untuk mematuhi hukum dengan penuh kesedaran dan kerelaan, malah juga membuka mata tentang kebijaksanaan dan keindahan syariat Islam yang sempurna. Ia juga membuktikan bahawa Islam adalah agama yang menepati fitrah semula jadi manusia dan selaras dengan perkembangan sains dan pengetahuan moden.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk mempelajari, memahami dan mengamalkan hukum-hakam Islam termasuk hukum perkahwinan ini. Dengan pemahaman yang baik dan kesedaran yang tinggi, diharapkan umat Islam dapat membina institusi keluarga yang kukuh, harmoni dan diberkati Allah SWT.

RUJUKAN

- Abu Daud, S. A. (n.d.). *Sunan Abi Daud* [Hadis no. 2076, 2241]. Versi dalam talian.
- Abu Zahrah, M. (1950). *Al-ahwal al-syakhsyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Abu Zahrah, M. (2011). *'Aqd al-zawaj wa atharuhu*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Al-Badawi, Y. (2000). *Maqasid al-shari'ah 'inda Ibn Taymiyyah*. Jordan: Dar Nafa'is.
- Al-Bukhari, M. I. (n.d.). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* [Hadis no. 2645, 5109]. Versi dalam talian.
- Al-Dahlawi, S. W. A. R. (n.d.). *Hujjat Allah al-balighah*. Beirut: Dar Ihya' al-'Ulum.
- Al-Hafnawi, M. I. (n.d.). *Al-zawaj*. Al-Mansurah: Maktabah al-Iman.
- Al-Khadimi, N. (1998). *Al-ijtihad al-maqasidi*. Qatar: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Al-Raisuni, A. (1992). *Naẓariyyat al-maqasid 'inda al-Imam al-Shatibi*. Riyadh: Dar al-'Alamiyyah li al-Kitab al-Islami.
- Al-Sarthawi, M. A. (1997). *Sharh qanun al-ahwal al-syakhsyyah*. T.t.p.: Dar al-Fikr.
- Al-Yubi, M. S. (1998). *Maqasid al-shari'ah al-islamiyyah wa 'alaqatuha bi al-adillah al-shar'iyah*. Riyadh: Dar al-Hijrah.

- Al-Zahabi, M. H. (2010). *Al-ahwal al-syakhsiyyah bayna madhhab Ahl al-Sunnah wa madhhab al-Ja'fariyyah*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Zuhaili, W. (2003). *Al-fiqh al-islami wa adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Badran, B. A. A. (n.d.). *Al-zawaj wa al-talaq fi al-Islam*. T.t.p.
- Hasanin, H. (2001). *Ahkam al-usrah al-islamiyyah*. Kaherah: Dar Afaq.
- Ibn Hibban, M. (n.d.). *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* [Hadis no. 4116]. Versi dalam talian.
- Muslim, M. H. (n.d.). *Ṣaḥīḥ Muslim* [Hadis no. 3568, 3580]. Versi dalam talian.
- Saqar, 'A. (2003). *Mawsu'ah al-usrah taḥta ri'ayat al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Uqlah, M. (1989). *Niẓam al-usrah fi al-Islam*. Amman: Maktabah al-Risalah.
- Zaidan, A. K. (2003). *Al-mufasssal fi ahkam al-mar'ah wa bayt al-muslim*. Beirut: Dar.